

18/10/2003

## Interaksi kreatif untuk hadapi ancaman global

KHAZAKHSTAN berpendapat `interaksi kreatif' agama, negara dan kerajaan amat penting ketika dunia sedang berhadapan dengan cabaran dan ancaman global.

Presiden Kazakhstan, Nursultan Nazarbayev, berkata negaranya yang mempunyai keunikan dari segi toleransi agama dan keharmonian antara etnik, meletakkan kepentingan itu dalam menggalakkan dialog antara agama, termasuk mengusahakan dan menganjurkan Kongres Agama Dunia dan Tradisional pertama di Astana bulan lalu.

"Semua peserta mengiktiraf dialog antara agama ini yang begitu penting dalam mengekalkan keamanan dan pemuafakatan antara manusia, memperkuat keselamatan dan kestabilan antarabangsa," katanya pada sesi perbahasan semalam.

Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Luar Kazakhstan, Kassymzhomart Tokayev yang mengetuai delegasi republik Asia Tengah itu ke Sidang Kemuncak OIC.

"Pepatah bahawa `tiada keamanan di dunia tanpa keamanan di antara agama selain tiada keharmonian antara agama tanpa dialog sesama mereka' lebih relevan hari ini berbanding dulu.

"Menerusi toleransi, bantuan dan perkongsian bersama, kita boleh mencapai kejayaan dalam memerangi keganasan antarabangsa, penambahan senjata pemusnah besar, pengedaran dadah dan pencemaran ekologi," katanya.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Malaysia yang dilantik sebagai pengerusi OIC, beliau berkata hasil kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia memberikan sumbangan besar ke arah menukarkan pertubuhan 57 anggota itu kepada struktur antarabangsa yang lebih cekap dan berwibawa.

"Pertubuhan ini menjadi amat penting dalam menggalakkan nilai rohaniah dan kebudayaan dengan matlamat menyediakan keamanan di seluruh dunia," katanya.